




PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MENANGANI INSIDEN JEREBU DI SEKOLAH / MAKTAB DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Brunei



Tahap Indeks (PSI)

0 - 50	51 - 100
Baik	Sederhana
101 - 200	> 200
Tidak Menyihatkan	Sangat Tidak Menyihatkan Tahap Merbahaya

Disediakan oleh:
Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE)
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan





**PROSEDUR OPERASI STANDARD [SOP]
INSIDEN MENANGANI JEREBU DI SEKOLAH-SEKOLAH
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

EDISI KEDUA

Disediakan oleh:

Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar [HSSE]
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan

Diterbitkan pada:
Mei 2017



JIKA TERJADI INSIDEN:

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
MENANGANI INSIDEN JEREBU DI SEKOLAH / MAKTAB
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN



Ambulan (Paramedik)
991



Pasukan Polis Diraja Brunei
993



Pasukan Bomba dan
Penyelamat
995



Pasukan Mencari dan
Menyelamat
998



Talian Darussalam
123



Jabatan Perkhidmatan
Elektrik
144



Pusat Pengurusan
Bencana Kebangsaan
(NDMC)
2380308



Kementerian Kesihatan
2381640



Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi
(Bahagian Kawalan
Pencemaran),
Kementerian
Pembangunan
224126
Ext 405/409



Bahagian HSSE
2235578



Jabatan Kajicuaca
Kementerian Perhubungan
2381342



JIKA TERJADI INSIDEN:

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
MENANGANI INSIDEN JEREBU DI SEKOLAH / MAKTAB
DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NOMBOR-NOMBOR PENTING / KECEMASAN



Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan
2381133



Jabatan Sekolah-Sekolah
2230511



Jabatan Perancangan dan
Pengurusan Estet
2384205



Jabatan Peperiksaan
2380776



Unit Perhubungan Awam
2381301

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

INSIDEN MENANGANI JEREBU DI SEKOLAH-SEKOLAH DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ISI KANDUNGAN

1. DEFINISI
2. TUJUAN
3. GARISPANDU KELUARAN KEMENTERIAN KESIHATAN BAGI INDEKS PENCEMARAN UDARA (PSI)
4. GARISPANDU TAHAP RISIKO KELUARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI INDEKS PENCEMARAN UDARA (PSI)
5. TAHAP UDARA YANG BAIK (BACAAN PSI 0-50)
6. FASA PERMULAAN INSIDEN JEREBU
 - i. PERANAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
 - ii. PERANAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
 - iii. PERANAN SEKOLAH/ MAKTAB
 - iv. PERANAN JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET
 - v. PERANAN PUSAT PENGURUSAN BENCANA (NDMC)
7. FASA MENANGANI INSIDEN JEREBU (BACAAN PSI MELEBIHI 100)
8. FASA SELEPAS INSIDEN JEREBU

9. PERANAN UNIT PERHUBUNGAN AWAM DALAM INSIDEN MENANGANI JEREBU DI SEKOLAH / MAKTAB

10.. LAMPIRAN

- a) PELAN TINDAKAN INSIDEN MENANGANI JEREBU BERDASARKAN CATATAN PSI INDEX
- b) CARTA ALIRAN INSIDEN MENANGANI JEREBU DI SEKOLAH/MAKTAB DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- c) CARTA ALIRAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SEMASA INSIDEN MENANGANI JEREBU
- d) PROSEDUR OPERASI STANDARD MENGENAI BACAAN INDEKS PENCEMARAN UDARA (PSI) DI SEKOLAH/MAKTAB DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
- e) BORANG SENARAI SEMAK TINDAKAN: SOP JEREBU DI SEKOLAH

11. PENGELUARAN SENARAI SOP-SOP BERKAITAN

12. KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

13. PENGHARGAAN

1. DEFINISI

Jerebu merupakan fenomena atmosfera berlaku apabila debu, asap dan bahan partikulat pencemaran lain mengaburi kejelasan langit. Fenomena ini biasanya terjadi jika bahan partikulat, debu dan asap berkumpul pada hari yang kering.

2. TUJUAN

Dokumen ini disediakan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan guru-guru, pelajar-pelajar dan warga sekolah sentiasa diambil perhatian dengan :-

- 2.1 Menyediakan garis panduan tindakan yang perlu diambil jika berlaku jerebu;
- 2.2 Memupuk kesedaran “kesiap-siagaan” di kalangan warga sekolah / maktab bagi menghadapi insiden jerebu di sekolah / maktab; dan
- 2.3 Memastikan aspek kesihatan, keselamatan, kawalan keselamatan dan persekitaran warga sekolah sentiasa terjamin dan terkawal semasa dan selepas insiden jerebu.

¹ Rujukan Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam, Edisi 2013, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam.


3. BACAAN INDEKS PENCEMARAN UDARA (PSI) [GARISPANDU KELUARAN KEMENTERIAN KESIHATAN]

Indeks Pencemaran Udara (PSI) adalah indeks yang digunakan bagi mengetahui tahap keselamatan udara bagi penduduk di negara ini. Berikut adalah bacaan Indeks Pencemaran Udara (PSI) yang dirujuk daripada garispandu mengenai jerebu dari Kementerian Kesihatan:


Tahap Indeks (PSI)	Orang Ramai Yang Sihat dan Tidak Mempunyai Masalah Kesihatan	Kanak-Kanak, Wanita Mengandung, Warga Emas	Orang Yang Berpenyakit Jantung Atau Paru-Paru
0-50 BAIK	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah
51-100 SEDERHANA	Boleh melakukan sebarang aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah
101-200 TIDAK MENYIHATKAN	Dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti fizikal yang berat**atau berpanjangan*** di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti di luar rumah	Dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan mask jenis N95 jika perlu melakukan aktiviti di luar rumah untuk jangka masa yang panjang^]
>200 SANGAT TIDAK MENYIHATKAN KE TAHAP MERBAHAYA	Dinasihatkan untuk menghadkan pendedahan kepada jerebu di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan mask jenis N95 jika aktiviti luar rumah tidak dapat dielakkan]	Dinasihatkan untuk menghindari semua aktiviti di luar rumah [Warga emas yang tidak dapat mengelakkan aktiviti di luar rumah dinasihatkan menggunakan mask jenis N95]	Dinasihatkan untuk menghindari semua aktiviti di luar rumah [Dinasihatkan menggunakan mask jenis N95 jika aktiviti di luar rumah tidak dapat dielakkan^]

- ** Berat : Melibatkan penggunaan tenaga yang banyak seperti bermain bola, jogging, berbasikal, bersenam robik
- *** Berpanjangan : Pendedahan kepada jerebu selama beberapa jam
- ^ Penghidap penyakit jantung atau paru-paru yang merasa kurang selesa semasa memakai N95 mask hendaklah berhenti menggunakannya, berhenti melakukan aktiviti di luar rumah dan berjumpa doktor untuk mendapatkan nasihat.

GAMBAR VISUAL BAGI PSI 0-50
(TAHAP BAIK)



**GAMBAR VISUAL BAGI PSI 51-100
(TAHAP SEDERHANA)**



**GAMBAR VISUAL BAGI PSI 101-200
(TAHAP TIDAK MENYIHATKAN)**



**GAMBAR VISUAL BAGI PSI MELEBIHI 200
(TAHAP SANGAT TIDAK MENYIHATKAN
KE TAHAP MERBAHAYA)**



**4. GARISPANDU TAHAP RISIKO KELUARAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI INDEKS
PENCEMARAN UDARA (PSI)**

Merujuk kepada garispandu dari Kementerian Kesihatan mengenai bacaan PSI di atas, Bahagian HSSE, Kementerian Pendidikan telah membahagikan Tahap Risiko insiden jerebu kepada empat (4) tahap bagi tujuan setiap agensi-agensi terbabit untuk melaksanakan peranan masing-masing mengikut aspek keselamatan seperti berikut :

- i. Tahap Risiko Rendah (R) – bacaan PSI dalam lingkungan 51-100.
- ii. Tahap Risiko Tinggi (T) – bacaan PSI dalam lingkungan 101 – 200.
- iii. Tahap Risiko Merbahaya (M) – bacaan PSI melebihi 200. (Sekolah hendaklah ditutup dengan serta merta)
- iv. Tahap Risiko Kecemasan (K) – jika berlaku masalah kesihatan bagi pelajar yang memerlukan bantuan paramedik atau ke pusat kesihatan berdekatan. (tidak mengira paras udara dalam tahap risiko rendah, tinggi dan merbahaya)

Tahap Risiko Insiden	Warga Sekolah
50 - 100 RENDAH	Meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran dan Mengurangkan Melakukan Aktiviti Luar
1010 - 200 TINGGI	Meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran dan Menghadkan Melakukan Aktiviti Luar
>200 MERBAHAYA	Sekolah atau Maktab akan ditutup SERTA MERTA
KECEMASAN	Bantuan Paramedik atau Dihantar ke Pusat Kesihatan Berdekatan [tidak mengira tahap risiko rendah, tinggi atau membahaya]

5. TAHAP UDARA YANG BAIK (BACAAN PSI 0-50)

Bacaan PSI 50 dan ke bawah merupakan tahap udara yang bersih dan selamat bagi kalangan orang ramai, kanak-kanak, wanita mengandung, warga emas dan orang yang berpenyakit jantung atau paru-paru untuk melakukan sebarang aktiviti di luar sekolah / maktab.

6. FASA PERMULAAN INSIDEN JEREBU (BACAAN PSI 51-100)

Beberapa tindakan yang perlu diambil oleh jabatan-jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Pendidikan bagi memastikan kawalan kesihatan dan keselamatan warga kementerian adalah di tahap yang maksima

6.1 Langkah-Langkah Persediaan dan Pencegahan Awal

a) Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:


Dalam menghadapi insiden Jerebu di Tahap Risiko Rendah (R), Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) :

- Menyelaras bersama semua pihak yang berkepentingan samada di sekolah dan pejabat untuk merujuk kepada Surat Pemberitahuan yang diluluskan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan bagi langkah-langkah pencegahan awal sebelum berlaku insiden jerebu di tahap tinggi iaitu bacaan PSI melebihi 100. (merujuk Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan 9/2015)



- | LAPORAN PENILAIAN RISIKO | | | | | | | | | |
|--------------------------|--|--|--|---|---|---|---|------------------------------|---|
| No. | Gambar/Risikonya | Potensi Bahaya / Insiden | Pihak Yang Berisiko | A | B | C | Lampiran bencana yang akan disertai | Pihak yang bertanggung jawab | D |
| 1. | <p>Kategori Kesehatan</p>  <p>Tidak boleh diadukan tempat penjualan bagi barang yang sudah rusak karena sudah rusak dan berbahaya.</p>  <p>Tidak ada buku catatan</p> <p>Seharusnya menggunakan kartu untuk mencatat kesehatan, namun yang sudah bag mau ke rumah</p> | <p>1. Kesehatan tidak yang tidak, karena dan ada banyak barang yang rusak karena sudah rusak dan berbahaya.</p> <p>2. Tidak ada buku catatan</p> <p>Seharusnya menggunakan kartu untuk mencatat kesehatan, namun yang sudah bag mau ke rumah</p> | <p>Manajemen yang tidak ada yang mau mengurus masalah kesehatan</p> | 2 | 3 | 5 | <p>Tindakan Segera</p> <p>Pihak Sekolah disalahkan karena</p> <p>1. Pengawasan guru untuk membuat jadwal kesehatan dan untuk membuat jadwal untuk membuat jadwal untuk membuat jadwal</p> <p>2. Tidak ada buku catatan kesehatan untuk buku "cek" dan rumah</p> <p>3. Menggunakan buku catatan untuk membuat jadwal kesehatan, namun yang sudah bag mau ke rumah</p> | Sekolah | |
| 2. | <p>Kategori Kesehatan</p>  <p>Tidak menggunakan free air flow di dalam dan ada di rumah sekolah</p> <p>Tidak ada catatan kesehatan dan ada di rumah sekolah seperti buku catatan</p> | <p>Tidak menggunakan free air flow di dalam dan ada di rumah sekolah</p> <p>Tidak ada catatan kesehatan dan ada di rumah sekolah seperti buku catatan</p> | <p>Pemerintah yang mau mengurus masalah kesehatan dan ada di rumah sekolah</p> | 1 | 2 | 3 | <p>Tindakan Segera</p> <p>Pihak Sekolah disalahkan karena</p> <p>1. Pengawasan guru untuk membuat jadwal kesehatan dan untuk membuat jadwal untuk membuat jadwal</p> <p>2. Tidak ada buku catatan kesehatan untuk buku "cek" dan rumah</p> <p>3. Menggunakan buku catatan untuk membuat jadwal kesehatan, namun yang sudah bag mau ke rumah</p> | Sekolah | |
- A = Tanpa Risiko / B = Tanpa Kemungkinan / C = Tanpa Risiko (jika ada cara pencegahan) / D = Laporan laporan dan rekomendasi
- 2 / 2

-




- v. menyediakan latihan yang bersesuaian kepada sekolah / maktab seperti Fire Marshall dan First Aider untuk persiapan langkah-langkah awal sebelum menghadapi sebarang insiden kecemasan atau kemalangan;
- vi. mendapatkan nasihat dari pihak HSSE untuk menyediakan notis-notis atau nasihat kesihatan (jika diperlukan); dan
- vii. mengeluarkan arahan melalui memorandum kepada sekolah / maktab mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi menghadapi insiden jerebu.

c) Peranan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet (JPPE)

Dalam menghadapi insiden Jerebu di Tahap Risiko Rendah (R) :

- i. Membuat penilaian, pemeriksaan dan kerja-kerja pembaikan bagi keperluan dan di kawasan sekolah / maktab yang boleh menjejaskan kesihatan semasa musim jerebu;

- ii. Menilai penyediaan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti bilik yang terdapat persekitaran udara yang baik.
- iii. Sentiasa berhubung dengan pihak sekolah yang berkenaan mengenai dengan status tindakan JPPE berkaitan dengan bangunan sekolah.



d) Peranan Sekolah atau Maktab

Pada tahap ini, pihak sekolah / maktab hendaklah :


- i. Pemimpin Sekolah (Pengetua dan Guru Besar serta Timbalannya) hendaklah mengetahui dan mengemaskini maklumat mengenai tahap bacaan kualiti udara (PSI) dari pihak JASTRe (melalui laman sesawang rasmi atau talian telefon).

- i. Pemimpin Sekolah (Pengetua dan Guru Besar serta Timbalannya) hendaklah mengetahui dan mengemaskinikan "updates" mengenai tahap bacaan kualiti udara (PSI) dari pihak JASTRe (melalui laman sesawang rasmi atau talian telepon);
- ii. Memaparkan bacaan udara (PSI) dari semasa ke semasa kepada warga sekolah. Maklumat ini boleh didapati melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, www.env.gov.bn atau di talian Darussalam 123;
- iii. Pemimpin Sekolah hendaklah menghadkan aktiviti-aktiviti di luar darjah bagi pelajar-pelajar di bawah umur lima (5) tahun dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pernafasan, jantung atau paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronkitis, alahan dan lain-lain). Aktiviti adalah dihadkan di dalam kawasan tertutup sahaja (indoor);
- iv. Mengenalpasti, menyediakan dan mengemaskinikan maklumat guru-guru dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kesihatan jantung dan paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, penyakit radang paru-paru, alahan dan sebagainya);
- v. merebiu jadual dan menghadkan tugas guru-guru dan kakitangan bantu yang bekerja di luar bilik darjah seperti tukang kebun, pembersih dan guru-guru pendidikan jasmani;
- vi. menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik (sick bay) yang dilengkapi dengan hawa dingin, alat penapis udara mudah alih untuk menempatkan guru-guru dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kesihatan yang berkaitan dengan penyakit pernafasan untuk sementara waktu;






- vii. Pemimpin Sekolah hendaklah memberi taklimat mengenai langkah-langkah pencegahan awal kepada warga sekolah dari masa ke semasa dan mengetahui proses pemindahan (evacuation stage) dan penjagaan kesihatan diri (seperti membawa keperluan kesihatan persendirian dan banyak minum air) semasa menghadapi insiden jerebu di sekolah / maktab;





- viii Mengeluarkan surat makluman kepada ibu bapa atau penjaga untuk menyediakan peralatan kesihatan, keselamatan dan kebersihan seperti air mineral, cecair titik mata dan losyen pelembab sebagai persiapan insiden jerebu;
- ix. Memastikan peralatan-peralatan dan keperluan yang berkenaan dibekalkan oleh JSS adalah mencukupi semasa situasi jerebu seperti topeng muka N95, cecair titik mata (eye drops), pencuci tangan, penapis udara mudah alih, dan First Aid Box;
- x. Mengenalpasti tempat yang selamat untuk tempat perhimpunan tertutup seperti dewan sekolah dengan memastikan keluasan tempat tersebut adalah memenuhi syarat 'maximum occupancy' seperti dalam Fire Safety Order 2016 dan Piawaian Brunei Darussalam (PBD) 12:2014;
- xi. Menyediakan emergency response plan termasuk dalam peranan Fire Marshall dan menyediakan pelan lantai (floor plan) bangunan sekolah / maktab khusus untuk insiden jerebu yang jelas bagi memudahkan warga sekolah / maktab bergerak menuju ke tempat perhimpunan tertutup yang selamat bagi proses pemindahan (evacuation stage);





- xii. Sentiasa secara proaktif membuat pemeriksaan ke atas kemudahan bangunan di sekolah terutama sekali bilik-bilik yang berhawa dingin dengan sistem pengalihan udara yang mempunyai alat penapis udara yang baik. Mana-mana kemudahan yang rosak perlu dirujuk ke JPPE untuk kerja-kerja pembaikan dengan segera.
- xiii. Menghadapkan permohonan ke Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk sebarang pembaikan bagi memastikan tempat perhimpunan tertutup adalah selamat dan mempunyai pengudaraan (ventilation) yang baik.
- xiv. Melantik guru-guru yang telah menjalani latihan asas seperti:
 - First Aider untuk menangani dengan segera pelajar-pelajar yang mengalami masalah kesihatan dan
 - Fire Marshall bagi membantu melancarkan proses pemindahan (evacuation stage);

- xv. Tidak dibenarkan membuat pembakaran secara terbuka di kawasan berhampiran dengan sekolah / maktab yang boleh menjejaskan kualiti udara dan kesihatan pelajar sekolah.
- xvi. Menghadapkan sebarang laporan sekiranya terdapat pembakaran secara terbuka di kawasan yang berhampiran dengan sekolah dan menjejaskan kualiti udara di kawasan sekolah kepada pihak berwajib.

7. FASA MENANGANI INSIDEN JEREBU (BACAAN PSI MELEBIHI 100)

Dalam fasa ini, sebarang aktiviti di luar sekolah adalah dihadkan. Berikut adalah tindakan dan peranan sekolah / jabatan di bawah Kementerian Pendidikan bagi bacaan PSI melebihi 100 :

7.1 Tahap Risiko Tinggi (bacaan PSI 101-200)

a) Peranan Sekolah atau Maktab

Adalah peranan sekolah / maktab dalam menghadapi insiden jerebu pada tahap ini adalah seperti berikut:

- i. Pemimpin Sekolah hendaklah sentiasa mendapatkan maklumat yang terkini mengenai tahap bacaan kualiti udara dan bacaan PSI dari semasa ke se masa melalui PRO, Kementerian Pendidikan, media masa dan teknologi laman sesawang JASTRe;

ii. Semua aktiviti di luar darjah yang melibatkan pelajar-pelajar di bawah umur lima (5) tahun dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah jantung atau paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronkitis, alahan dan lain-lain) hendaklah dihentikan.

- Jika pelajar-pelajar tersebut perlu berada di luar darjah untuk jangka masa yang panjang, mereka hendaklah memakai mask N95.
- Bagi pelajar-pelajar lain, aktiviti fizikal yang berat atau berpanjangan di luar darjah hendaklah dihadkan.



iii. Memastikan guru-guru, pembersih, tukang kebun dan buruh yang mengalami masalah kesihatan jantung dan paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, penyakit radang paru-paru, alahan dan sebagainya) hendaklah memakai topeng muka N95, menghadkan sekiranya perlu melakukan aktiviti di luar darjah untuk jangka masa yang lama;

- iv. Pemimpin Sekolah perlu menasihatkan warga sekolah untuk menghadkan penglibatan sebarang aktiviti di luar sekolah / maktab sehingga bacaan PSI di tahap yang sederhana iaitu 51-100; dan
- v. Pelajar-pelajar yang mempunyai simptom-simptom masalah kesihatan seperti penyakit pernafasan perlu diasingkan dan dibawa ke bilik 'sick bay' untuk berehat dan dipantau oleh First Aider. Pihak Sekolah perlu menghubungi ibu bapa / penjaga pelajar berkenaan untuk membawa pulang dan dinasihatkan dibawa ke Pusat Kesihatan yang berdekatan bagi menjalani pemeriksaan kesihatan.



vi. Pemimpin Sekolah mengarahkan warga sekolah supaya:-

- Sentiasa membawa air botol atau minuman yang mencukupi;
- Mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci muka dan tangan sebaik saja hadir dan masuk ke bilik darjah sekolah / maktab;
- Menggunakan krim atau losyen pelembap bagi kulit yang kering (jika perlu);

- Menggunakan cecair titik mata yang dipreskripsi oleh Doktor atau tidak mempunyai bahan pengawet (preservative-free eye drops) jika mata terasa pedih;
 - Menutup pintu dan jendela bilik darjah dengan rapat;
 - Memastikan tugas bagi pekerja sekolah seperti pekebun/pembersih/buruh dan seumpamanya hendaklah dikurangkan dan terhad bagi mengurangkan terdedahnya kepada jerebu; dan
 - Tidak panik dan bersikap tenang.
- vi. Pemimpin Sekolah mengeluarkan surat permakluman kepada ibu bapa atau penjaga dengan segera jika insiden jerebu ditahap yang merbahaya;
 - vii. menyarankan pengguna jalan raya terutama ibu bapa atau penjaga pelajar sewaktu menghantar dan mengambil pelajar supaya akan dapat memasang lampu kereta di kawasan sekolah / maktab terutama sekali jika tahap visibiliti adalah rendah;
 - viii. Sekolah / maktab atau hendaklah menempatkan pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan awam (PSR, GCSE O Level, A Level) dan mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronchitis, alahan dan lain-lain) di bilik yang berhawa dingin dan mempunyai perudaraan yang bersih; dan
 - ix. Pemimpin Sekolah diingatkan untuk tidak memberikan maklumat kepada pihak Media Massa dan menyarankan pihak Media Massa untuk berhubung terus ke Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan (kecuali maklumat dan tindakan yang perlu diambil seperti di dalam SOP Menangani Insiden Jerebu).

b) Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah

Dalam menghadapi insiden Jerebu di Tahap Risiko Tinggi (T), peranan Jabatan Sekolah-Sekolah adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya ianya terjadi semasa tempoh peperiksaan, Jabatan Sekolah-Sekolah hendaklah menyediakan pusat peperiksaan (centralized exam center) bagi pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan awam (PSR, GSCE O level, A level) dan mempunyai risiko (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronchitis, alahan dan lain-lain) jika terdapat sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bilik atau dewan yang mempunyai penghawa dingin dan perudaraan yang bersih;
- ii. Jabatan Sekolah-Sekolah hendaklah menyelaras bersama pihak sekolah / maktab yang terjejas bagi pemindahan atau penempatan peperiksaan dengan memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga pelajar-pelajar yang terjejas.



c) Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Dalam menghadapi insiden Jerebu di Tahap Risiko Tinggi (T), peranan pihak Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan adalah seperti berikut :

- i. Bahagian HSSE akan mendapatkan maklumat kualiti udara dan bacaan PSI daripada pihak JASTRe dan memaklumkan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan berhubung dengan insiden jerebu tersebut;
- ii. Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan akan memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan mengenai tahap insiden jerebu iaitu Tahap Risiko Tinggi dan mencadangkan tindakan yang akan diambil terutama bagi sekolah / maktab yang terjejas;
- iii. Memaklumkan Unit Perhubungan Awam dan Sekolah-Sekolah bagi memantau bacaan PSI untuk bersiap sedia menghadapi Tahap Risiko Merbahaya.
- iv. Bahagian HSSE menyelaraskan dengan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan untuk bersiap sedia menyediakan perkhidmatan kenderaan dan bot temuai jika diperlukan oleh sekolah / maktab yang terjejas; dan



d) Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet (JPPE)

Dalam menghadapi insiden Jerebu di Tahap Risiko Tinggi (T) :

- i. Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet perlu memastikan fasiliti atau infrastruktur di kawasan sekolah / maktab adalah dalam keadaan yang teratur, berfungsi dengan baik.
- ii. Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet perlu memberikan cadangan tempat yang bersesuaian (bilik darjah, sick bay dan tempat perhimpunan) yang selesa dan mempunyai pengudaraan yang mencukupi jika pembaikan belum dapat disediakan.

- v. Guru Darjah memastikan bilangan pelajar yang hadir dan memaklumkan Fire Marshall untuk mencari jika ada kekurangan pelajar sebelum pemindahan ke tempat perhimpunan.



- vi. Guru Darjah mengenalpasti pelajar-pelajar yang mengalami masalah kesihatan untuk diserahkan kepada First Aider untuk mengawal keadaan pelajar dengan segera.

- vii. Guru Darjah menghubungi ibu bapa pelajar-pelajar dan menyediakan senarai nama pelajar untuk ditandatangani sebagai pengesahan bahawa pelajar-pelajar telah dibawa balik oleh ibu bapa masing-masing.



b) Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah

Jika insiden Jerebu mencapai kepada Tahap Risiko Merbahaya (M) :

- i. Jabatan Sekolah-Sekolah akan mendapatkan maklumat melalui ketua kluster dan memaklumkan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) secara ringkas mengenai insiden tersebut.
- ii. ii. Memaklumkan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan untuk penutupan sekolah memandangkan keadaan jerebu di tahap yang bahaya yang melebihi bacaan (PSI) 200.
- iii. Sekiranya ianya terjadi dalam tempoh peperiksaan, Jabatan Sekolah-Sekolah akan menghadapi permohonan bagi mendapatkan kebenaran dari Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) bagi penundaan peperiksaan PSR dan peperiksaan dalaman sekolah. Manakala peperiksaan awam GCE "O" dan "A" level akan diteruskan seperti biasa di tempat yang akan dimaklumkan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dengan perbincangan bersama Jabatan Peperiksaan.
- iv. Jabatan Sekolah-Sekolah akan mendapatkan ketetapan daripada Jabatan Peperiksaan mengenai peperiksaan awam PSR, GCSE O level dan GCSE A level jika ada sebarang penundaan dan perubahan tarikh serta tempat peperiksaan.
- v. Jabatan Sekolah-Sekolah akan memaklumkan kepada sekolah-sekolah untuk menunda peperiksaan awam PSR dan peperiksaan dalaman sekolah, manakala peperiksaan GCSE O level dan A level akan tetap diteruskan ditempat yang akan dimaklumkan kemudian mengikut kesesuaian kemudahan dan infrastruktur bangunan.

- vi. Jabatan Sekolah-Sekolah akan mengarahkan sekolah/ maktab untuk memaklumkan kepada para ibu bapa / penjaga, guru-guru dan para pelajar yang terlibat dalam peperiksaan.

c) Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Jika insiden Jerebu mencapai kepada Tahap Merbahaya (M) :

- i. Bahagian HSSE menyelaras dengan Jabatan Sekolah-Sekolah untuk mengenalpasti sekolah / maktab yang tutup dan memberi bantuan logistik yang diperlukan.
- ii. Bahagian HSSE akan melaporkan perkara ini kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan untuk nasihat dan tindakan yang bersesuaian.
- iii. Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan akan menyelaras bersama cawangan-cawangan Daerah di bawah Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan bagi sekolah / maktab yang memerlukan bantuan pengurusan terutama bagi pelajar-pelajar yang mengalami masalah kesihatan untuk dibawa ke Pusat-Pusat Kesihatan dan Hospital (jika diperlukan).
- iv. Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan akan menghubungi bas-bas sekolah dan perahu temuai sekolah bagi mempersiapkan kenderaan sekolah untuk membawa balik pelajar-pelajar sekolah / maktab.



7.3 Tahap Risiko Kecemasan

Tahap Risiko Kecemasan (K) ini hanya akan diaktifkan jika kejadian pelajar mengalami masalah kesihatan dan bantuan kecemasan diperlukan dengan segera.

a) Peranan Sekolah

- i. *First Aider* menangani tindakan awal untuk menangani, mengawal dan memantau keadaan pelajar-pelajar di bilik 'sick bay';
- ii. Menghubungi paramedik (Ambulan 991) untuk tindakan kecemasan dan mendapatkan maklumat pelajar daripada Guru Darjah bagi kegunaan paramedik atau Pusat Kesihatan;
- iii. Pihak sekolah / maktab boleh memohon tambahan bantuan perkhidmatan kenderaan daripada Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan untuk membawa ke Pusat Kesihatan yang berhampiran (jika diperlukan); dan
- iv. Menghubungi ibu bapa pelajar yang terlibat untuk memaklumkan status kesihatan dan keberadaan pelajar.

b) Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah

- i. Jabatan Sekolah-Sekolah hendaklah menyelaraskan bersama cawangan-cawangan Daerah sebagai pegawai penghubung dalam memantau perkembangan pelajar-pelajar yang telah dihantar ke Pusat-Pusat Kesihatan dan perlu berada di Pusat-Pusat Kesihatan dalam memberikan maklumat kepada Ketua-Ketua Kluster.

c) Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

- i. Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan hendaklah menyediakan perkhidmatan kenderaan untuk membawa pelajar-pelajar yang terjejas ke hospital yang berdekatan untuk menjalani rawatan segera (jika diperlukan).

8. FASA SELEPAS INSIDEN JEREBU

Tindakan yang akan diambil bagi semua pihak selepas insiden jerebu adalah seperti berikut:

8.1 Peranan Sekolah / Maktab

- i. Menyediakan laporan pencegahan dan tindakan yang diambil semasa insiden jerebu dan cadangan 'way forward' untuk dihadapkan kepada Pengarah Sekolah-Sekolah melalui Ketua-Ketua Kluster.
- ii. Mendapatkan maklumat kesihatan terperinci bagi guru, kakitangan atau pelajar yang mendapatkan bantuan kecemasan semasa insiden jerebu jika keadaan mereka sudah pulih;
- iii. Memantau keadaan warga sekolah yang ditempatkan di hospital sehingga mendapat pengesahan 'discharge' dari pihak Hospital.



- iv. Memastikan warga sekolah / maktab yang mendapat rawatan dihospital adalah sihat untuk ke sekolah / maktab sama ada mengikut pembelajaran atau bekerja;

- v. Pemimpin sekolah / maktab akan membuat permohonan segera bagi perkara-perkara seperti berikut:-
 - Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet untuk mengambil tindakan segera bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur dan kemudahan;
 - Jabatan Sekolah-Sekolah untuk menggantikan dan membekalkan peralatan kebersihan dan peralatan keselamatan;
 - Bagi Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan untuk memberikan perkhidmatan logistik seperti kenderaan dan buruh.
- vi. Warga sekolah / maktab yang masih mengalami simptom-simptom seperti demam, selesema, batuk, sakit mata dan lain-lain hendaklah mendapatkan rawatan dengan segera
- vii. jika keadaan jerebu kembali dalam tahap merbahaya semasa waktu persekolahan maka pihak sekolah hendaklah menghubungi ibu bapa atau penjaga pelajar melalui panggilan atau pesanan ringkas mengenai penutupan sekolah / maktab dan membawa pulang pelajar dengan segera.

8.2 Peranan Jabatan Sekolah-Sekolah

- i. Pengarah Sekolah-Sekolah hendaklah menghadapi laporan terperinci mengenai status terkini keadaan warga sekolah / maktab yang terjejas semasa insiden jerebu kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan melalui laporan yang diadapakan oleh pihak sekolah / maktab yang terjejas. Laporan hendaklah meliputi maklumat mengenai tindakan pencegahan, status kesihatan warga sekolah / maktab yang telah pulih dan masih menerima rawatan, cadangan tindakan untuk memperbaiki langkah-langkah yang telah diambil.

- ii. memberikan bantuan kemudahan seperti peralatan keselamatan dan peralatan kebersihan seperti yang diperlukan oleh pihak sekolah / maktab;
- iii. membuat pemantauan yang berterusan kepada sekolah / maktab yang terjejas bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga sekolah / maktab terkawal;
- iv. Jika keadaan jerebu kembali ke Tahap Risiko Merbahaya, Jabatan Sekolah-Sekolah hendaklah menghadapi laporan ke Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan untuk cadangan penutupan sementara sekolah / maktab yang terjejas sehingga keadaan jerebu kembali reda dan keadaan sekolah / maktab selamat bagi semua warga sekolah / maktab; dan
- v. jika kebenaran diluluskan oleh pihak atasan, Jabatan Sekolah-Sekolah akan menyediakan maklumat awal dan Ketua Kluster akan melaporkan kepada pihak sekolah / maktab untuk tindakan penutupan sekolah / maktab.

8.3 Peranan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

- i. Mendapatkan laporan secara menyeluruh daripada Jabatan Sekolah-Sekolah mengenai keadaan pelajar-pelajar yang dihantar ke Pusat-Pusat Kesihatan dan Hospital daripada Kementerian Pendidikan;
- ii. Mengadakan rundingan bersama pihak atasan dan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan bagi tindakan pembaikan dalam aspek HSSE;
- iii. Bahagian HSSE akan meneruskan lawatan pemeriksaan kepada sekolah / maktab yang terjejas serta menyediakan laporan penilaian risiko yang terkini untuk diadapakan kepada Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan;

- iv. Laporan penilaian risiko akan dihadapkan kepada pihak atasan untuk mendapatkan ketetapan dan nasihat mengenainya;



8.4 Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet

- Membuat pemeriksaan dan melaksanakan pembaikan kepada sekolah / maktab yang terjejas oleh jerebu di dalam infrastruktur bangunan dan kawasan persekitaran yang diperlukan termasuk peralatan elektrik seperti penghawa dingin.
- Mengetahui kesan-kesan atau impak jerebu ke atas bangunan yang mungkin akan terjadi kemudian hari dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang berpatutan.
- Sentiasa meningkatkan strategi dan sistem dari segi pemeriksaan, langkah-langkah yang perlu diambil dan pembaikan terhadap bangunan sekolah.

8.5 Peranan Pusat Pengurusan Bencana (NDMC)

- Memantau situasi kejadian jerebu dari semasa ke semasa dan menyelaraskan mesyuarat untuk tindakan bersepadu diantara agensi-agensi berkepentingan di peringkat daerah dan kebangsaan apabila diperlukan.
- Mengumpulkan maklumat impak daripada kejadian jerebu yang mana merangkumi situasi kejadian, perbelanjaan, kerugian, keperluan dan cadangan pelan tindakan pengurangan risiko untuk dimuatkan didalam laporan jerebu kebangsaan.
- Seterusnya menghadapkan laporan jerebu kebangsaan kepada Majlis Bencana Kebangsaan.

9. Peranan Unit Perhubungan Awam Dalam Insiden Menangani Jerebu Di Sekolah / Maktab


Dalam menghadapi insiden Jerebu, Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang proaktif sepanjang menangani insiden jerebu dengan mengambil tindakan seperti;

- Bertanggungjawab selaku fokal utama untuk menyelaraskan dan mengurus aktiviti komunikasi media.
- Mendapatkan maklumat seperti fakta, statistik dan kronologi insiden daripada pihak-pihak yang berkenaan serta mengenal pasti isu utama punca insiden jerebu.
- Menyediakan siaran akhbar (mengikut keperluan) untuk pihak media berpandukan kepada maklumat yang diterima daripada pihak-pihak yang berkenaan sahaja. Maklumat yang disalurkan hendaklah sentiasa yang terkini dan tepat.


- iv. Memantau sebarang isu yang berpotensi untuk memberi kesan negatif termasuk isu yang disalurkan melalui media cetak dan media sosial..
- v. Memberikan nasihat kepada Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan mengenai tatacara berhadapan dan memberikan maklumat kepada pihak media.

- TAMAT -


PELAN TINDAKAN INSIDEN MENANGANI JEREBU BERDASARKAN CATATAN PSI INDEX



CARTA ALIRAN INSIDEN MENANGANI JEREBU DI SEKOLAH / MAKTAB DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



CARTA ALIRAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SEMASA INSIDEN MENANGANI JEREBU



PROSEDUR OPERASI STANDARD MENGENAI BACAAN INDEKS PENCEMARAN UDARA (PSI) DI SEKOLAH/MAKTAB DI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tasks to be performed:

PSI VALUE	LEVEL OF AIR QUALITY	TASK	RESPONSIBILITY
31-50	GOOD (HIGH)	- Mendapatkan laporan daripada agensi-agensi tempatan dan / atau serantau melalui lawan sesawang jabatan, stesen radio dan siaran televisyen negara, agensi kebangsaan Jerebu dan talian hotline negara 123. • Kekerapan setiap 3 kali sehari - Bersiap sedia untuk menghadapi Tahap Risiko Rendah jika diketahui: • Bacaan PSI tidak menunjukkan tanda-tanda penurunan dan berkemungkinan tahap PSI akan melebihi 50.	Sekolah / Pro Sekolah
51-75	MODERATE (LOW)	- Mendapatkan laporan daripada agensi-agensi tempatan dan / atau serantau melalui lawan sesawang jabatan, stesen radio dan siaran televisyen negara, agensi kebangsaan Jerebu dan talian hotline negara 123. • Kekerapan sebanyak 5 kali sehari (7am, 9am, 11am, 2pm, 4pm) - Menghadapi Tahap Risiko Rendah setelah menerima "Press Release" daripada JASTRe diketahui: • selama seminggu berturut-turut bacaan PSI tidak menunjukkan tanda-tanda penurunan dalam bacaan PSI. • Memantau kenaikan bacaan PSI melebihi 75. - Bersiap sedia untuk proses penyediaan awal peralatan keselamatan dan kesihatan dan kemudahan yang diperlukan untuk menghadapi insiden Jerebu - Memulakan proses Tahap Risiko Rendah dengan mengumpulkan maklumat warga sekolah yang mempunyai masalah kesihatan jantung dan paru-paru - Menghadkan aktiviti-aktiviti di luar darjah di sekolah	Sekolah / Pro Sekolah / Pro JSS/ JPPE

PSI VALUE	LEVEL OF AIR QUALITY	TASK	RESPONSIBILITY
76-85	MODERATE (MID)	- Mendapatkan laporan daripada agensi-agensi tempatan dan / atau serantau melalui lawan sesawang jabatan, stesen radio dan siaran televisyen negara, agensi kebangsaan Jerebu dan talian hotline negara 123. • Kekerapan sebanyak 5 kali sehari (7am, 9am, 11am, 2pm, 4pm) - Menghadapi Tahap Risiko Rendah setelah menerima "Press Release" daripada JASTRe diketahui: • selama 4 hari berturut-turut bacaan PSI tidak menunjukkan penurunan tanda-tanda dalam bacaan PSI. • Memantau kenaikan bacaan PSI melebihi 85. - Menghadkan aktiviti-aktiviti di luar darjah di sekolah. - Memastikan peralatan keselamatan dan kesihatan mencukupi untuk menghadapi insiden Jerebu. - Pihak sekolah menyelaras dengan JPPE jika ada keperluan yang berkaitan dengan kemudahan bangunan sekolah.	Sekolah / JSS Sekolah / Pro Sekolah JSS Sekolah
86-100		- Mendapatkan laporan daripada agensi-agensi tempatan dan / atau serantau melalui lawan sesawang jabatan, stesen radio dan siaran televisyen negara, agensi kebangsaan Jerebu dan talian hotline negara 123. • Kekerapan sebanyak 6 kali sehari (7am, 9am, 11am, 2pm, 4pm, 6pm) - Menghadapi Tahap Risiko Rendah setelah menerima "Press Release" daripada JASTRe diketahui: • selama 3 hari berturut-turut bacaan PSI tidak menunjukkan tanda-tanda penurunan dalam bacaan PSI. • Memantau kenaikan bacaan PSI melebihi 85. - Menghadkan aktiviti-aktiviti di luar darjah di sekolah. - Memastikan guru, kakitangan dan pelajar yang mengalami masalah kesihatan jantung dan paru-paru untuk memakai topeng muka N95 semasa berada di sekolah.	Sekolah / Pro Sekolah / Pro Sekolah Sekolah

PSI VALUE	LEVEL OF AIR QUALITY	TASK	RESPONSIBILITY
100-200	UNHEALTHY & HAZARDOUS	- Mendapatkan laporan daripada agensi-agensi tempatan dan / atau serantau melalui lawan sesawang jabatan, stesen radio dan siaran televisyen negara, agensi kebangsaan Jerebu dan talian hotline negara 123. • Kekerapan setiap jam dari 7am hingga 7pm - Menghadapi Tahap Risiko Tinggi hingga Tahap Risiko Merbahaya setelah menerima "Press Release" daripada JASTRe diketahui: • selama 2 hari berturut-turut bacaan PSI tidak menunjukkan tanda-tanda penurunan dalam bacaan PSI. • Memantau kenaikan bacaan PSI melebihi 100. - Hari pertama menerima bacaan PSI sudah memasuki 100, Sekolah hendaklah mengeluarkan surat makluman kepada ibu/bapa dengan segera jika insiden jerebu di tahap risiko yang merbahaya - Semua aktiviti di luar darjah yang melibatkan pelajar-pelajar di bawah umur lima (5) tahun dan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah jantung atau paru-paru (mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronkitis, alahan dan lain-lain) dihentikan di sekolah. - Memastikan guru, kakitangan dan pelajar yang mengalami masalah kesihatan jantung dan paru-paru untuk meneruskan memakai topeng muka N95 semasa berada di sekolah. - Sekolah hendaklah menempatkan pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan awam (PSR, GCSE O Level, A Level) dan mempunyai sejarah penyakit jantung, asma, radang paru-paru, bronchitis, alahan dan lain-lain) di bilik yang mempunyai perudaraan yang mencukupi dan sebaiknya berhawa dingin.	Sekolah / PRO Sekolah / PRO Sekolah Sekolah Sekolah Sekolah/JSS/DE

PSI VALUE	LEVEL OF AIR QUALITY	TASK	RESPONSIBILITY
> 200	VERY UNHEALTHY TO HAZARDOUS	- Menghadapi Tahap Risiko Merbahaya setelah menerima "Press Release" daripada JASTRe diketahui: • Sebaik sahaja laporan JASTRe mengenai bacaan PSI mencapai 200. - Pengetua atau Guru Besar hendaklah memaklumkan dan menghubungi HOC dengan segera bagi proses penutupan sekolah. - HOC akan mendapatkan maklumat dan memaklumkan Pengarah JSS secara ringkas mengenai insiden jerebu. - Memaklumkan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) untuk penutupan sekolah memandangkan keadaan jerebu di tahap yang bahaya yang melebihi bacaan (PSI) 200. - Pengetua atau Guru Besar membuat pengumuman proses pemindahan ke tempat perhimpunan untuk ibu bapa mengambil balik anak-anak mereka. - Jabatan Sekolah-Sekolah akan mendapatkan ketetapan Jabatan Peperiksaan yang kemudian dimaklumkan kepada sekolah-sekolah: • untuk menunda peperiksaan awam PSR dan peperiksaan dalaman sekolah, • manakala peperiksaan GCSE O level dan A level akan tetap diteruskan ditempat yang akan dimaklumkan kemudian mengikut kesesuaian kemudahan dan infrastruktur bangunan.	Sekolah / PRO Sekolah HOC HOC JSS Sekolah JSS/DE

SENARAI SEMAK TINDAKAN: SOP JEREBU DI SEKOLAH

Sekolah : _____

Lokasi : _____

Tarikh : _____

1	Catatan senarai yang mempunyai masalah kesihatan (masalah jantung, paru-paru, asma, radang paru-paru, bronkitis, alahan dll.	Peraksanaan		Catatan
		Sudah	Belum	
a	Guru- guru			
b	Pelajar-pelajar			
c	Pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan seperti PSR dan GCEO Level atau GCSE A Level			
d	Kakitangan bantu			

2	Peralatan kebersihan	Ada	Tidak	Catatan
a	Penyediaan bilik 'sick bay'			
b	Topeng muka N95			
c	Cecair titik mata (eye drops)			
d	Pencuci tangan			
e	Penapis mudah alih			
f	First Aid Box yang lengkap			

3	Aspek Keselamatan	Ya	Tidak	Catatan
a	Assembly Point			
b	Tempat Perhimpunan dengan menyukat 'maximum occupancy' mengikut FSO 2016.			
c	Pemindahan mengenai proses pemindahan (evacuation stage)			
d	Melakukan Fire Drill sebanyak 2 kali setahun			
e	Menyediakan pelan lantai (floor plan)			
f	Melantik Fire Marshall dan First Aider			

4	Peralatan Keselamatan	Baik	Rosak	Catatan
a	Fire extinguisher			
b	Fire Blanket			
c	Fire alarm / loceng			
d	Pintu-pintu keluar (Fire exit) adalah berfungsi			

Diperiksa oleh : _____ Disahkan oleh : _____

Jawatan : _____ Jawatan : _____

Tandatangan : _____ Tandatangan : _____

SENARAI SEMAK TINDAKAN GURU SEMASA INSIDEN: SOP JEREBU DI SEKOLAH

Sekolah : _____

Nama Guru Darjah : _____

Tahun : _____

1	Pasukan Tindakan Kecemasan	Butir Peribadi			Lantikan
	Nama	Tel.Hp	Tel. Rumah	Jawatan	Guru Besar / Pengetua / FM / FA/HSSE Rep.
a.					
b.					
c.					
d.					

2	Tindakan Guru Darjah	Ada	Tidak	Catatan
Aspek Keselamatan				
a.	Mengambil buku kedatangan sekolah dan mengira jumlah pelajar yang hadir			
b.	Mengarahkan pelajar-pelajar untuk proses pemindahan (evacuation stage)			
c.	Menutup suis elektrik dan pintu semasa keluar daripada kelas			
d.	Memaklumkan Fire Marshal jika ada kekurangan pelajar di tempat perhimpunan			
g.	Menyediakan senarai pelajar untuk pengesahan balik sekolah			
h.	Mengira semula jumlah pelajar dan memastikan keberadaan pelajar			
i.	Mengenalpasti pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas atau temuai			
j.	Menyerahkan pelajar kepada pemandu kenderaan dan pengangkutan untuk dibawa balik jika pelajar menggunakan perkhidmatan bas atau temuai			
k.	Menghubungi ibu bapa pelajar untuk di bawa balik			
Aspek Kesihatan				
a.	Mengenalpasti pelajar yang mempunyai masalah kesihatan dan menyediakan maklumat pelajar untuk kegunaan First Aider.			
b.	Menyerahkan pelajar yang mempunyai masalah kesihatan kepada First Aider untuk dibawa ke bilik 'sickbay'			
c.	Menyediakan senarai pelajar untuk pengesahan balik sekolah			
d.	Menghubungi ibu bapa pelajar untuk di bawa balik			

Diperiksa oleh : _____ Disahkan oleh : _____

Jawatan : _____ Jawatan : _____

Tandatangan : _____ Tandatangan : _____

PENGELUARAN SENARAI SOP-SOP BERKAITAN

- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Keselamatan & Kawalan Kemalangan Lalulintas Di Sekolah-Sekolah Seluruh Negara**
- **Garis Pandu (SOP) Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (Field Trip) Bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Insiden Keracunan Makanan, Kementerian Pendidikan**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Kejadian Jerebu Di Sekolah-Sekolah Kerajaan Seluruh Negara**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Kejadian Banjir Di Sekolah-Sekolah Kerajaan Seluruh Negara**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Keselamatan Makmal Sains Di Sekolah / Maktab / Vokasional Negara Brunei Darussalam**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Menangani Kebersihan Di Kementerian Pendidikan**
- **Prosedur Operasi Standard (SOP) Menangani Pencerobahan Bangunan Sekolah-Sekolah Di Kementerian Pendidikan**

KUMPULAN PENYELIDIK DAN SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan

Ketua

Yang Mulia Pengiran Nazrul Arif bin Pengiran Dato Paduka Haji Md Zain
Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Setiausaha

Yang Mulia Hajah Razinhtul Hasyimah Binti Haji Abd Rahim
Unit Alam Sekitar
Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Ahli-Ahli

Yang Mulia Siti Nahriah Binti POKMD DSP Haji Abd Wahab
Ketua Unit Alam Sekitar
Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dayang Surayati Binti Haji Abd Samat
Unit Kesihatan

Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Hajah Nur Amalina Binti Haji Sidek
Mantan Ketua Unit Kesihatan
Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan,
Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Ilustrasi

Yang Mulia Pengiran Mohd Sufian Bin Pengiran Haji Mohd Said
Ketua Media in Service Center
Jabatan Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Awang Murasedi Bin Haji Mohammad
Media in Service Center
Jabatan Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Awang Md Saifullah Bin Haji Munap
Media in Service Center
Jabatan Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Awang Asri Bin Haji Budin
Media in Service Center
Jabatan Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan

**Yang Mulia Awang Muhammad Nuraiziz
Bin Muhammad Junaidi**
Media in Service Center
Jabatan Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan

PENGHARGAAN

Jabatan Alam Sekitar dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan

Bahagian Kesihatan Alam Sekitar
Perkhidmatan Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan

Pusat Pengurusan Bencana Alam
Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri

Jabatan Bomba dan Penyelamat
Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri

Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan

Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan

Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet
Kementerian Pendidikan